

SIARAN AKHBAR

MODEL SCOOTER BARU, WMOTO ES125 DATANG PADA 02.02.2021



PULAU PINANG, 2 FEBRUARI 2021- Jenama tempatan milik MForce Bike Holdings Sdn. Bhd., WMoto kini ligat meningkatkan persaingan mereka dengan memperkenalkan skuter baru, ES125 setelah melancarkan “cruiser” V16 November lalu. Skuter berciri ringkas ini mempunyai dua edisi iaitu Standard dan *Special Edition* (SE) dan apa yang membezakan kedua edisi ini adalah warna. Untuk edisi SE, ia mempunyai warna biru pirus yang menarik manakala terdapat tiga pilihan warna untuk ES125 Standard - merah, hitam dan kelabu. Harga cadangan jualan adalah sebanyak RM 4,888.00 untuk *Special Edition* dan RM4,588.00 untuk Standard tidak termasuk cukai jalan, insurans dan pendaftaran. ES125 ini boleh didapati sekarang di semua pengedar WMoto yang sah di seluruh Malaysia.

ES125 memberi anda skuter dengan janaan enjin 4 lejang, penyejukan udara beserta silinder tunggal yang menggerakkan enjin 118.8 cc. Kuasa yang mampu dihasilkan adalah sebanyak 6.5Kw pada 7,500 rpm dan tork 9.5Nm apabila mencecah 6,000 rpm dengan transmisi CVT. Suspensi di bahagian

hadapan dilengkapi dengan teleskopik dan penyerap hentakan di bahagian belakang. ES125 juga memberi anda penyerap hentakan belakang dari jenama suspensi terkenal, Kayaba (KYB) untuk lebih selesa ketika menunggang di jalan yang tidak rata. Enjin ini turut dikuasakan oleh teknologi ECS (Environment Care System) untuk mesra alam yang penting dalam melindungi alam sekitar kita.

Skuter ini beratnya cuma 95 kg untuk pengendalian mudah yang sesuai untuk perjalanan harian. Oleh kerana beratnya yang ringan, kapasiti bahan api adalah sebanyak 3-liter yang cukup untuk perjalanan jarak pendek. Juga, ruang simpanan di bawah pelana memiliki keluasan 9 liter di mana anda boleh menyimpan barangan peribadi anda. Penunggang tidak perlu risau akan keselamatan barangan mereka semasa menunggang skuter ini.

Ia dilengkapi dengan port pengecasan USB di kokpit yang dapat mengecas telefon anda semasa dalam perjalanan beserta dua ruang yang boleh memuatkan dompet dan telefon bimbit anda. Cara untuk menghidupkan skuter ini cukup mudah. Anda boleh memilih untuk menggunakan kaedah penghidupan elektrik atau tendang. Untuk tujuan keselamatan, mempunyai lampu DRL (DRL) yang terang menjadikan anda selamat dalam apa jua situasi. Oleh itu, ES125 adalah pilihan yang terbaik untuk anda.

TAMAT

SPESIFIKASI TEKNIKAL

Jenis Enjin	4-lejang, Sejukan Udara, Silinder Tunggal
Gerek & Lejang (mm)	Ø52.4 x 55.1
Sesaran (cc)	118.8cm ³
Kuasa Maksimum	6.5kW (8Hp) pada 7,500 r/min
Tork Maksimum	9.5N.m pada 6,000 r/min
Nisbah Mampatan	9.5:1
Sistem Penghidup	Eletrik & Tendang
Sistem Pencucuh	CDI
Jenis Klac	Kering, Emparan Automatik
Transmisi	CVT
Suspensi Hadapan	Teleskopik
Suspensi Belakang	Penyerap Kejutan
Brek Hadapan	Cakera
Brek Belakang	Gelendong
Tayar Hadapan	70/90-14
Tayar Belakang	80/90-14
Panjang Keseluruhan (mm)	1,860
Lebar Keseluruhan (mm)	690
Tinggi Keseluruhan (mm)	1,065
Tinggi Tempat Duduk	745
Jarak Roda (mm)	1,295
Kelegaan Tanah (mm)	135
Berat (kg)	95
Kapasiti Bahan Api (L)	3
Bateri	12V7Ah (Penyelenggaraan Percuma)

TENTANG WMOTO

Mforce Bike Holdings Sdn. Bhd. merupakan pengeluar dan pengedar rasmi WMoto sejak 2018 yang dimiliki oleh rakyat Malaysia sendiri iaitu Dato' Sri Tan Lean Heah. Proses pembangunan jenama ini melibatkan pemilihan jenis motorsikal lalu dibawa masuk ke Malaysia, penghasilan prototaop, pemilihan warna dan grafik sehinggalah ujian ketahanan keseluruhan motorsikal dilakukan dengan kepakaran tempatan mengikut citarasa peminat-peminat motorsikal di Malaysia.

Sehingga kini, WMoto sudah mengeluarkan pelbagai jenis motorsikal dan ribuan unit sudah berada di pasaran tempatan. Dengan keterujaan terhadap inovasi produk, WMoto bertekad untuk menjaga kualiti motor yang dihasilkan di samping menyediakan pengalaman indah dan sensasi dalam setiap perjalanan anda.

WMoto mempunyai perancangan jangka panjang untuk mengukuhkan lagi sistem penyelidikan dan pembangunan, pengeluaran, pemasaran dan perkhidmatan untuk menjadi salah satu jenama motorsikal terkenal di dunia dan membangunkan rangkaian global yang lebih kuat.

Pertanyaan Media

Chew Wei Xiang

Hubungi: 012 273 7433 | Emel: marketing@mforce.my |